

# Adakan pertemuan tidak formal

KUANTAN 10 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad disaran sering mengadakan pertemuan tidak formal supaya objektif melihat Malaysia maju dan berjaya akan tercapai.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, pertemuan itu perlu kerana kedua-dua pemimpin tersebut menuju ke arah matlamat yang sama tetapi dilihat menggunakan acuan dan pendekatan yang berbeza sedikit.

"Dr. Mahathir umpama bapa manakala Abdullah umpama seorang bapa dan abang, saya hanya seorang pemimpin kerdil di hadapan mereka kerana kedua-dua mereka banyak membantu saya dalam pelbagai situasi selama ini," katanya pada sidang akhbar di nlmahnya di sini hari ini.

Beliau berkata, teguran Dr. Mahathir perlu diberikan perhatian tetapi sokongan padu semua pihak perlu dihalakan kepada

Abdullah yang kini memegang tanggungjawab dan amanah rakyat.

Katanya, 'pergeseran' antara kedua-dua pemimpin itu juga tidak akan membawa keretakan dalam UMNO kerana ia adalah perkara kecil.

Katanya, setiap pihak berhak meluahkan pandangan masing-masing termasuk Dr. Mahathir dan beliau berharap ia dapat dilakukan secara lebih lembut serta mengikut saluran yang sesuai.

Adnari juga meminta semua pihak agar tidak terlalu menggembar-gemburkan isu antara bekas Perdana Menteri dan Perdana Menteri itu.

"Ini bukan perkara luar biasa, kalau kita kata ia besar dan boleh pecahkan UMNO, maka besarlah jadinya," tegas beliau.

Adnan juga menyokong pendekatan Abdullah yang tidak melenting terhadap kritikan keras tersebut dan berharap ia dapat dicontohi semua pihak.